Sepanjang kira-kira dua dekad yang lalu, usaha-usaha telah dilakukan untuk mengintegrasikan konsep beberapa model gaya. Antara beberapa kajian, ada empat integrasi model-model gaya utama dikenali umum dalam literatur. Model pertama yang diperkenalkan oleh Curry (1983) ialah model “bawang” tiga-lapis. Curry mengusulkan bahawa sembilan daripada pengukuran gaya pembelajaran utama digolongkan kepada tiga “kelas menyerupai lapisan-lapisan bawang”. Menurut pengelasan pengukuran gaya pembelajaran, “tingkah laku pembelajaran pada asasnya adalah dikawal oleh dimensi personaliti, diterjemahkan melalui dimensi pemprosesan maklumat kelas tengah dan akhirnya diulaskan oleh interaksi dengan faktor persekitaran yang disokong dalam lapisan luar”.

Model yang kedua ialah model proses kognitif dan gaya kognitif Miller (1987). Miller berpandangan bahawa gaya kognitif adalah untuk membeza individu dalam pelbagai sub-komponen bagi sesebuah model pemprosesan maklumat kepada tiga proses kognitif yang utama: persepsi, ingatan dan pemikiran.

Model yang ketiga ialah model integrasi gaya kognitif Riding dan Cheema (1991). Selepas mengkaji lebih 30 gaya yang dinyatakan dalam literatur berdasarkan huraian, korelasi, cara penilaian, dan kesan tentang tingkah laku gaya tersebut,

Riding dan Cheema menyimpulkan bahawa semua ini boleh dikumpulkan kepada dua prinsip gaya kognitif: “*wholist-analytic*” dan “*verbal-imagery*”. “*Wholist-analytic*” adalah untuk menentukan sama ada seseorang individu cenderung memproses sesuatu maklumat secara keseluruhan atau bahagian; “*verbal-imagery*” pula adalah berkaitan untuk menentukan sama ada seseorang individu cenderung untuk mentafsir maklumat semasa berfikir secara lisan atau menggambarkan maklumat tersebut dalam gambar rajah.

Model yang terkini dan baru-baru ini ialah model Sternberg (1997). Mengikut Sternberg, usaha ke atas gaya ini dibahagikan kepada tiga kelas, iaitu gaya yang berpusat kognitif, berpusat personaliti, dan berpusat aktiviti. Gaya yang berpusat kognitif adalah paling menyerupai keupayaan. Tambahan lagi, gaya ini adalah diukur oleh ujian yang melibatkan jawapan “betul” dan “salah”. Dalam gaya kognitif ini, dua model gaya yang paling menarik minat pengkaji ialah model *field-dependence – independence* Witkin (1962) dan model *reflectivity – impulsivity* Kagan (1976).

Bagi gaya yang berpusat personaliti melibatkan gaya yang menyerupai ciri personaliti. Kebanyakan kajian ini telah dijalankan oleh Myers dan McCaulley (1988) berdasarkan teori jenis personaliti Jung (1923), teori jenis vokasional Holland (1973, 1994) dan model gaya Gregorc (1979).

Gaya yang berpusat aktiviti memberi fokus kepada gaya sebagai pengantara bagi pelbagai bentuk aktiviti yang cenderung muncul daripada aspek kognitif dan personaliti. Satu kajian utama yang menyerupai teori pendekatan pembelajaran secara mendalam dan permukaan dicadangkan oleh Marton (1976), Biggs (1978), Entwistle (1981), dan Schmeck (1983). Di samping itu, Renzulli dan Smith (1978) mengusulkan gaya pembelajaran yang berbeza dan sepadan dengan kaedah mengajar seperti perbincangan, latihan, dan pembacaan.

Walaupun gaya kognitif, gaya pembelajaran dan gaya pemikiran adalah berbeza, namun gaya-gaya ini mempunyai satu ciri persamaan yang penting: gaya

adalah bukan keupayaan, tetapi gaya adalah cara seseorang memproses maklumat dan menggunakan keupayaan tersendiri yang sedia ada.

Di samping itu, kimia adalah satu disiplin dalam sains yang mengkaji tentang jirim secara makroskopik dan mikroskopik, interaksi antara bahan dan penghasilan serta penggunaan bahan. Kimia mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan manusia. Penghasilan dan penggunaan bahan kimia membawa kesan kepada masyarakat dan alam sekitar. Perkembangan yang pesat dalam bidang kimia banyak memberi sumbangan terhadap kemajuan dalam pelbagai bidang termasuk bidang perubatan dan perindustrian. Oleh itu, ilmu kimia perlu dikuasai oleh murid supaya mereka dapat menangani perubahan yang berlaku dalam kehidupan yang semakin berteraskan kepada sains dan teknologi dan memberi sumbangan kepada perkembangan sains dan teknologi demi meningkatkan mutu kehidupan manusia sejangat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).

Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau gaya pemikiran yang terdapat pada setiap individu pelajar Tingkatan Empat aliran sains dan seterusnya mengkaji tentang kesesuaian gaya pemikiran pelajar-pelajar dengan pencapaian kimia di kalangan pelajar. Dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran boleh diperbaiki ke arah pembelajaran yang optimum di kalangan pelajar. Malah, mereka boleh berfikir dan mengaplikasikan konsep kimia yang dipelajari di sebarang situasi.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Mengapa begitu ramai orang yang gagal semasa di sekolah manakala berjaya dalam kehidupan, atau sebaliknya? Mengapa sesetengah orang menukar pekerjaan kepada bidang undang-undang, sesetengah pula beralih kepada bidang perubatan, dan masih terdapat sesetengah beralih kepada bidang perakaunan? Mengapa sesetengah doktor yang merupakan pelajar cemerlang di sekolah perubatan menghampakan ibu bapa mereka? Mengapa sesetengah kanak-kanak yang berbakat yang mendapat

keputusan yang cemerlang di sekolah, manakala kanak-kanak yang biasa, dibuang sekolah kerana gagal?

Setiap orang berfikir dalam cara yang berbeza. Pemahaman gaya pemikiran dan pembelajaran dapat membantu seseorang itu untuk mengelakkan perselisihan faham, dan sebenarnya akan mewujudkan persefahaman yang lebih baik antara satu sama lain.

Sesuatu gaya pemikiran ialah sesuatu cara pemikiran yang lebih disukai oleh seseorang. Gaya pemikiran bukan merupakan sesuatu keupayaan, tetapi lebih kepada cara kita menggunakan keupayaan yang sedia ada pada kita. Seseorang itu mungkin boleh dikatakan bahawa dia mempunyai keupayaan yang serupa, tetapi dia mungkin juga mempunyai gaya pemikiran yang amat berbeza. Namun, masyarakat sering menganggap seseorang itu dengan keupayaan yang sama adalah serupa. Gaya pemikiran seseorang yang sepadan dengan cara yang dijangka dalam situasi tertentu adalah dianggap sebagai orang yang mempunyai tahap keupayaan yang lebih baik, walaupun pada kenyataannya apa yang wujud adalah bukan keupayaan, tetapi kesesuaian antara gaya pemikiran seseorang itu dengan tugas yang dihadapinya.

Sering kali, tugas yang dihadapi boleh diaturkan dengan lebih baik supaya bersesuaian dengan gaya pemikiran seseorang itu, atau seseorang itu boleh mengubah suai gaya pemikirannya untuk bersesuaian dengan tugas. Sehingga kini, masih terdapat orang yang mempunyai pekerjaan tetapi tidak sesuai dengan gaya pemikiran mereka. Namun, ramai yang berpendapat bahawa pekerjaan mereka kini adalah tidak bersesuaian dengan gaya pemikiran mereka. Justeru, gaya pemahaman seseorang boleh membantu mereka dapat memahami dengan lebih baik terutama bagi aktiviti yang sesuai dengan gaya pemikiran mereka atau sebaliknya, menyebabkan mengapa sesetengah orang adalah tidak sesuai dengan aktiviti yang tertentu (Sternberg, 1997).

Sejak kebelakangan ini, isu kemerosotan kemasukan bilangan pelajar ke aliran sains hangat dibincangkan. Menteri Pelajaran, Tan Sri Musa Mohamad

menyatakan apabila KBSM baru diwujudkan, pihaknya berharap ia mampu bertindak sebagai pemangkin dalam memastikan sasaran nisbah pelajar sains dan sastera pada kadar 60:40. Ketika ini, nisbah pelajar aliran sains dan sastera ialah 30:70 (*New Straits Times*, 14 April 2000). Menurut Menteri Pelajaran lagi, Kementerian Pelajaran berhasrat semua sekolah di negara ini menjadi Sekolah Bestari yang berteraskan konsep sekolah berfikir. Dalam sistem pendidikan bestari ini, pelajar-pelajar akan dilatih untuk berfikir dan dengan ini proses berfikir dapat diterapkan. Secara tidak langsungnya, proses berfikir adalah berkaitan dengan gaya pemikiran seseorang pelajar. Persoalannya, adakah para guru, ibu bapa dan pelajar itu sendiri sedar dan memahami secara mendalam tentang gaya pemikiran?

Sekiranya diperhatikan senario di dalam bilik darjah pada masa kini juga, para guru mula mengaplikasikan ilmu teknologi maklumat, misalnya *laptop* dan *LCD (Liquid Crystal Display)* dalam pengajaran sains termasuk mata pelajaran kimia. Walaupun zaman telah berubah kepada serba moden, tetapi didapati bahawa masih terdapat guru-guru kurang memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk membina dan meneroka sendiri dalam pembelajaran mereka di samping mengabaikan gaya pemikiran pelajar-pelajar. Pendapat ini juga seiring dengan pendapat yang dikemukakan oleh Riding dan Mathias (1991) yang menyatakan bahawa dalam proses pengajaran, selalu wujud anggapan bahawa pelajar belajar dengan cara yang sama. Pendekatan ini tidak mengambil kira perbezaan pemikiran, padahal gaya pemikiran ini penting kerana gaya pemikiran ini akan mempengaruhi cara pembelajaran dan seterusnya pencapaian akademik mereka.

Perbezaan individu yang wujud di kalangan para pelajar merupakan satu fakta yang tidak boleh dinafikan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya (Shaharom dan Yap, 1992). Dapatan kajian oleh Kannan (1996) juga menunjukkan bahawa perbezaan wujud dalam gaya pemprosesan maklumat oleh setiap individu. Terdapat individu yang memproses maklumat dengan cepat dan lebih berkesan daripada yang lain. Oleh itu, para pendidik perlu mengenal pasti gaya pemikiran pelajar agar mereka dapat mempelbagaikan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan gaya pemikiran pelajar tersebut.

Walaupun terdapat banyak kajian telah dijalankan seperti di Hong Kong, Tanah Besar China, Filipina, Sepanyol, dan Amerika Syarikat (Zhang, 2004), tetapi kajian dalam aspek gaya pemikiran jarang dijalankan di Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat.

Dari aspek persamaan kimia, ramai pelajar masih menghadapi kesukaran dalam pembelajaran kimia (Low, 1999). Chan (1988) merumuskan bahawa pelajar-pelajar menghadapi kesukaran dalam penyelesaian masalah persamaan kimia. Kajian oleh Bou Jaoude (1992) menunjukkan bahawa mata pelajaran sains terutamanya kimia adalah mata pelajaran yang paling sukar difahami oleh pelajar. Bagi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran kimia di peringkat peperiksaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) pada tahun 2004 hingga 2006 didapati peratusan pencapaian peringkat cemerlang adalah rendah (Sin Chew Jit Poh, 2007) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Keputusan Peperiksaan Mata Pelajaran Kimia SPM Tahun 2004–2006

Tahun	Peratus Peringkat		Peratus Jumlah
	Cemerlang (1A – 2A)	Kepujian dan Lulus (3B – 8E)	Lulus
2004	15.4	79.7	95.1
2005	16.2	76.9	93.1
2006	15.3	80.8	96.1

Di samping itu, jantina merupakan pemboleh ubah yang relevan dengan perkembangan gaya pemikiran ini. Ini adalah kerana sifat lelaki dan perempuan adalah berbeza. Kajian telah dijalankan merentas 30 buah negara untuk mengkaji kata kerja yang berkaitan dengan lelaki dan perempuan. Kajian mendapati bahawa secara umumnya, lelaki adalah digambarkan lebih suka mengembara, suka berikhtiar, bersifat individualistik, suka mereka cipta, dan adalah bersifat progresif. Perempuan pula biasanya adalah digambarkan bersikap lebih berwaspada, suka bergantung pada seseorang, suka mencari kesilapan, malu, dan patuh. Tanggapan ini adalah lebih mewakili persepsi daripada realiti (Sternberg, 1997).

Tambahan pula, budaya juga merupakan pemboleh ubah yang relevan dengan perkembangan gaya pemikiran ini. Seseengah budaya adalah lebih menonjolkan beberapa gaya pemikiran yang tertentu berbanding dengan gaya pemikiran lain. Misalnya di Amerika Utara, masyarakat tersebut adalah lebih menekankan inovasi dan ini secara tidak langsungnya telah menyumbang kepada gaya pemikiran *Legislative* dan *Liberal*. Justeru, tokoh-tokoh terkenal, umpamanya Edison sebagai pencipta, Einstein sebagai ahli sains, dan sebagainya, semuanya adalah disebabkan oleh sumbangan gaya pemikiran *Legislative* mereka (Sternberg, 1997). Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum. Oleh itu, adalah menarik untuk melihat dan meninjau gaya pemikiran masyarakat Malaysia yang ras majoritinya ialah orang Melayu dan Cina.

Lantaran itu, empat buah sekolah menengah kebangsaan yang terdapat di Pontian, Johor telah dipilih untuk meninjau gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang mempelajari kimia mengikut jantina dan ras majoriti responden. Kajian ini juga adalah untuk meninjau kesesuaian gaya pemikiran dengan pencapaian kimia di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat.

1.3 Pernyataan Masalah

Setiap pelajar mempunyai gaya pemikiran yang unik dan tersendiri. Mereka mempunyai gaya pemikiran yang berlainan dan ini mempengaruhi cara mereka belajar, seterusnya juga akan mempengaruhi prestasi akademik mereka. Oleh itu, kajian dijalankan untuk meninjau gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang mempelajari kimia dan kesesuaian gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat dengan pencapaian kimia.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan permasalahan yang dikemukakan ini, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meninjau gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat aliran sains.
2. Mengenal pasti gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat mengikut jantina lelaki dan perempuan.
3. Menentukan gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat mengikut ras majoriti responden.
4. Menentukan gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang bersesuaian dengan penyelesaian masalah persamaan kimia.
5. Meninjau sama ada tahap gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang tinggi dalam satu gaya pemikiran tertentu itu juga mempunyai tahap gaya pemikiran lain yang tinggi.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan ini, persoalan kajian yang boleh dibentuk:

1. Apakah gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat aliran sains?
2. Apakah gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat mengikut jantina lelaki dan perempuan?
3. Apakah gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat mengikut ras majoriti responden?
4. Apakah gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang bersesuaian dengan penyelesaian masalah persamaan kimia?
5. Adakah pelajar-pelajar dengan gaya pemikiran dominan (tinggi) tertentu juga dominan (tinggi) dalam gaya pemikiran yang lain?

1.6 Kerangka Kerja Konsep


Gaya merupakan satu cara untuk berfikir. Gaya bukan merupakan sesuatu keupayaan, tetapi merupakan cara yang lebih sesuai untuk mempergunakan keupayaan yang ada pada seseorang. Perbezaan antara gaya dan keupayaan adalah penting. Sesuatu keupayaan itu merujuk kepada betapa baik seseorang boleh melakukan sesuatu perkara manakala sesuatu gaya itu merujuk kepada seseorang itu melakukan sesuatu perkara dengan menggunakan cara yang disukai.

Dalam gaya pemikiran Sternberg (1997), terdapat lima dimensi gaya pemikiran yang terdiri daripada 13 jenis gaya pemikiran seperti Jadual 1.1 yang ditunjukkan berikut.

Jadual 1.2: Gaya Pemikiran

Dimensi	Gaya Pemikiran
(a) Fungsi (<i>Functions</i>)	1. <i>Legislative</i>
	2. <i>Executive</i>
	3. <i>Judicial</i>
(b) Bentuk (<i>Forms</i>)	4. <i>Monarchic</i>
	5. <i>Hierarchic</i>
	6. <i>Oligarchic</i>
(c) Aras (<i>Levels</i>)	7. <i>Anarchic</i>
	8. <i>Local</i>
(d) Skop (<i>Scopes</i>)	9. <i>Global</i>
	10. <i>Internal</i>
(e) Kecenderungan (<i>Leanings</i>)	11. <i>External</i>
	12. <i>Liberal</i>
	13. <i>Conservative</i>

Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan kesesuaiannya antara gaya pemikiran dengan pencapaian kimia di sekolah menengah kebangsaan daerah Pontian.



Rajah 1.1: Kerangka Kerja Konsep

Instrumen soal selidik gaya pemikiran yang digunakan dalam kajian adalah dalam bentuk dwibahasa, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk menentukan gaya pemikiran di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang mempelajari kimia. Set soalan bagi subtajudik persamaan kimia telah diberikan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Empat untuk menentukan tahap pencapaian menyelesaikan persamaan kimia pelajar-pelajar aliran Sains Tingkatan Empat.

Akhir sekali, analisis statistik deskriptif dilakukan untuk meninjau dan melihat kesesuaian antara gaya pemikiran dengan pencapaian kimia dan juga tahap pencapaian penyelesaian masalah persamaan kimia.

1.7 Rasional Kajian

Gaya pemikiran ialah sesuatu cara pemikiran yang lebih disukai oleh seseorang. Gaya bukan merupakan sesuatu keupayaan, tetapi lebih kepada cara menggunakan keupayaan yang sedia ada pada kita. Mengapakah terdapat ramai di kalangan kita yang gagal semasa persekolahan tetapi berjaya dalam kerjayanya, ataupun sebaliknya? Apa yang berlaku ke atas kita dalam kehidupan adalah bukan sahaja bergantung pada betapa baik kita berfikir, tetapi juga bergantung pada bagaimana kita berfikir. Seseorang itu boleh berfikir dalam pelbagai cara. Oleh itu, perselisihan faham boleh wujud antara guru dan pelajar. Dengan memahami gaya pemikiran seseorang, ini dapat membantu kita untuk mengelakkan perselisihan faham, dan lebih baik adalah dapat memahami antara satu sama lain secara lebih mendalam.

Jika dibandingkan dengan gaya pemikiran ini, gaya pembelajaran adalah lebih spesifik dan merujuk “kepada proses untuk mendapatkan pengetahuan atau kemahiran daripada pembelajaran, pengajaran atau pengalaman yang bermakna” (Sternberg, 1994). Kepentingan gaya pembelajaran telah dibincangkan secara luas. Bagi kajian gaya kognitif pula, didapati bahawa kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berdasarkan teori Witkin dan rakan-rakannya (1962) mengenai teori *field-dependence* dan *field-independence*. Mengikut Zhang dan Sternberg (2002), terdapat tiga masalah untuk menjalankan kajian yang selanjutnya dengan menggunakan teori tradisional gaya seperti *field-dependence* dan *field-independence*.

Pertama, teori Witkin dan rakan-rakannya telah dijalankan hampir empat dekad dan didapati bahawa tidak dapat membeza kesahan kajian dengan baik, misalnya kajian Roach (1985), yang mencadangkan supaya *field-independence* perlu

sama dengan keupayaan. Kedua, teori tersebut hanya menyatakan satu dimensi gaya kognitif di mana skor dapatan kajian selalu wujud dalam dua bahagian. Ketiga, teori tersebut tidak mempunyai aplikasi teori kognitif yang jelas terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Satu teori yang lebih umum secara relatif perlu digunakan untuk mengkaji gaya kognitif pelajar-pelajar (Zhang dan Sternberg, 2002).

Baru-baru ini, terdapat beberapa teori kognitif, pembelajaran dan pemikiran, yang lebih umum telah dicadangkan. Teori pertama ialah teori Kolb (1976) yang menunjukkan empat jenis yang asas, iaitu menumpu (*converging*), mencapah (*diverging*), asimilasi (*assimilating*), dan akomodasi (*accommodating*). Teori kedua ialah teori Riding (1991) mengenai dimensi gaya kognitif (*verbal-imagery* dan *wholist-analytic*). Teori ketiga ialah teori tentang pendekatan atau gaya pembelajaran yang dicadangkan oleh Biggs (1987), Entwistle (1981), dan Marton (1976) masing-masing. Teori keempat yang merupakan teori asas bagi kajian Sternberg (1988, 1990, 1994, 1997) yang terkini ialah teori gugusan-kendiri (*self-government*). Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang mempelajari kimia.

Teori mental gugusan-kendiri (*self-government*) berdasarkan Sternberg (1988, 1990, 1994, 1997) menggambarkan cara kesukaan seseorang untuk melakukan sesuatu perkara dengan menggunakan keupayaan yang sedia ada pada dirinya. Tanggapan penting bagi teori ini ialah seseorang itu perlu terdapat banyak cara untuk mengendalikan sesuatu aktiviti harian. Seseorang itu akan cenderung menggunakan gaya pemikiran yang dianggap sesuai dan selesa. Tambahan lagi, seseorang itu boleh mengubah penggunaan gaya pemikiran mengikut keadaan dan mencuba gaya pemikiran sehingga dia dapat menyesuaikan. Oleh itu, seseorang individu itu yang mempunyai gaya pemikiran yang disukai pada sesuatu keadaan mungkin mempunyai gaya pemikiran yang berbeza pada keadaan yang lain. Lebih-lebih lagi, sebahagian daripada gaya pemikiran ini adalah sosialisasi (Sternberg, 1994, 1997) sehingga gaya pemikiran ini boleh diubah suai mengikut keadaan yang diinteraksi.

Isu penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi subjek Sains adalah masih baru dan hangat, terutamanya pada peringkat peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM). Tambahan lagi, kajian secara ilmiah bagi gaya pemikiran dan subjek kimia dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga masih kurang dijalankan. Di samping itu, penguasaan bagi konsep persamaan kimia adalah penting bagi pelajar-pelajar Tingkatan Empat aliran Sains kerana konsep ini adalah asas dan penting bagi setiap topik kimia yang dipelajari. Lantaran itu, kajian ini juga dilaksanakan untuk meninjau kesesuaian antara gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat dengan tahap pencapaian kimia.

1.8 Kepentingan Kajian

Semua pelajar perlu belajar, tetapi kita bukan sentiasa dapat melakukan perkara dengan cara yang diidamkan. Kefleksibelan (*flexibility*) adalah sangat penting bukan sahaja bagi pelajar, tetapi juga bagi guru. Namun, sekiranya kita ingin melihat apa yang boleh dibuat oleh pelajar, cara pengajaran dan penilaian yang sepadan dengan gaya pemikiran pelajar adalah penting. Seandainya seseorang guru ingin berinteraksi dengan seseorang pelajar itu, dia perlu mengajar secara fleksibel terhadap pelbagai gaya pemikiran pelajar-pelajar. Ini bermakna bahawa mempelbagaikan gaya pengajaran untuk memadankan gaya pemikiran yang pelbagai dan berbeza di kalangan pelajar tentu dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

Dapatan kajian ini penting di kalangan pendidik supaya mereka dapat memahami gaya pemikiran pelbagai di kalangan pelajar. Seterusnya, ia dapat membantu para pendidik menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pemikiran pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, maklumat dan hasil dapatan kajian boleh dijadikan sebagai satu panduan dalam penggubalan kurikulum bagi Kementerian Pelajaran. Gaya pemikiran perlu diambil kira dalam sistem pendidikan agar para pendidik dapat menimba pengetahuan mereka dan mengajar secara kreatif serta inovatif mengikut keperluan pelajar-pelajar.

Memandangkan kajian ini memberi manfaat kepada semua pihak, justeru kajian tentang gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat adalah diperlukan dan penting. Ini adalah disebabkan oleh dapatan kajian ini akan memberikan gambaran bagi pola gaya pemikiran pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang mempelajari kimia dan kesesuaian gaya pemikiran mereka dengan pencapaian kimia.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas di empat buah sekolah menengah kebangsaan daerah Pontian, Johor yang merupakan sekolah harian biasa. Kaedah soal selidik ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar Tingkatan Empat untuk meninjau gaya pemikiran mereka dan kesesuaian gaya pemikiran mereka dengan pencapaian kimia. Responden-responden yang dipilih ialah pelajar-pelajar Tingkatan Empat di empat buah sekolah menengah kebangsaan daerah Pontian, Johor sahaja. Selain itu, kajian hanya terbatas pada pencapaian kimia peperiksaan pertengahan tahun dan juga subtajuk persamaan kimia dalam mata pelajaran kimia Tingkatan Empat.

1.10 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini yang perlu dijelaskan supaya sebarang kekeliruan dan salah faham bagi maknanya dapat dielakkan.

1.10.1 Gaya Pemikiran

Gaya pemikiran ialah cara seseorang itu berfikir. Gaya adalah bukan keupayaan, tetapi lebih kepada bagaimana kita menggunakan keupayaan yang ada pada kita. Seseorang itu bukan hanya mempunyai satu jenis gaya, tetapi mungkin pelbagai gaya pemikiran yang berbeza bergantung pada keadaan yang dihadapi. Teori gaya pemikiran Sternberg – teori mental gugusan-kendiri (*self-government*) – adalah pertama diterbitkan pada tahun 1988. Teori mental gugusan-kendiri (*self-government*) menunjukkan 13 gaya pemikiran yang tergolong kepada 5 dimensi mental gugusan-kendiri (*self-government*): (a) fungsi (*functions*), (b) bentuk (*forms*), (c) aras (*levels*), (d) skop (*scope*), dan (e) kecenderungan (*leanings*) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Gaya-gaya pemikiran ialah *legislative, executive, judicial, monarchic, hierarchic, oligarchic, anarchic, local, global, internal, external, liberal*, dan *conservative* (Sternberg, 1997).

1.10.2 Pemikiran

Pemikiran berkaitan dengan aktiviti mental yang berlaku dalam otak. Pemikiran merupakan satu proses menyusun dan menggunakan maklumat dan pengetahuan. Pemikiran adalah menuju ke arah mencapai dan memenuhi sesuatu tujuan. Proses pemikiran menghubungkan pelbagai idea, mengendalikan konsep dan membuat kesimpulan untuk mendapatkan pengertian baru daripada maklumat yang sedia ada. Semasa berfikir, lambang seperti gambaran atau perkataan boleh digunakan (Saniah Sayuti, Yeo dan rakan-rakan, 2000).

1.10.3 Pencapaian Kimia

Markah yang diperoleh oleh pelajar-pelajar Tingkatan Empat bagi mata pelajaran kimia Peperiksaan Pertengahan Tahun 2007 mengikut sistem penilaian Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan prestasi pelajar-pelajar Tingkatan Empat bagi subjek kimia.

1.10.4 Persamaan Kimia

Persamaan kimia mewakili gambaran perubahan sesuatu bahan kimia kepada bahan lain yang disebabkan oleh keinginannya melakukan tindak balas apabila bercampur dengan bahan kimia lain atau oleh tindakan haba atau cahaya. Bahan awal yang digunakan di dalam sesuatu tindak balas dikenali sebagai reaktan manakala bahan yang terbentuk dinamakan hasil. Di dalam persamaan kimia, semua bahan yang terlibat masing-masing diwakili oleh formula kimianya dengan semua reaktan diletakkan di sebelah kiri dan hasil di sebelah kanan. Masing-masing bahan ini dipisahkan satu sama lain oleh satu anak panah yang menghala ke arah hasil (reaktan \longrightarrow hasil) (Razak Ali dan Mohd. Nazlan, 1996).

1.10.5 Sains

Skop sains yang begitu luas merangkumi cabang ilmu pengetahuan yang melibatkan pemerhatian dan eksperimen untuk membuat rumusan idea, penerangan dan pemahaman terhadap fenomena alam semula jadi. Sains merangkumi bidang pengetahuan yang berkaitan dengan sebatian, kehidupan dan alam; yang dikaji secara bersistem, dengan menggunakan kaedah saintifik (Abu Hassan, 1999). Sains merupakan cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata (fizik, kimia, biologi dan lain-lain) (Kamus Dewan, Edisi Ketiga 2000).

1.10.6 Kimia

Kimia ialah suatu bidang sains yang mengkaji sifat dan komposisi bahan yang membina alam semesta serta perubahan-perubahan yang berlaku apabila bahan-bahan ini berinteraksi antara satu sama lain (Tan, Loh dan rakan-rakan, 2003). Kimia ialah bidang ilmu sains yang berkaitan dengan struktur komposisi, sifat jirim, dan tindak balas antara atom, ion, unsur dan sebatian. Kimia melibatkan kajian tentang perubahan dalam jirim yang diikuti oleh perubahan dalam tenaga (Yeap, 2006).

1.10.7 Pelajar-pelajar

Pelajar-pelajar yang memasuki peringkat sekolah menengah tinggi dan merupakan kumpulan pelajar mempelajari kimia dalam bahasa Inggeris di sekolah menengah.